

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober/November 1995

ZSE 374 - Penderiaan Jauh

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. **DUA** dari Bahagian A dan **KEDUA-DUA** dari Bahagian B. Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

BAHAGIAN A

- 1.(a) Jelaskan tentang pengaruh-pengaruh atmosfera terhadap penderiaan jauh di dalam rantau nampak, terma dan mikro. (70/100)
- (b) Bandingkan serta kontras tentang penderiaan jauh secara kapal terbang dan satelit. (30/100)
2. Tulis nota tentang perkara berikut:
 - [a] Peleraian bagi sistem penderiaan jauh (25/100)
 - [b] Penderiaan jauh inframerah terma (25/100)
 - [c] Pengimbas berbilang spektrum (25/100)
 - [d] Pengukuran skala serta ketinggian objek pada fotograf udara (25/100)
- 3.(a) Apakah kelebihan-kelebihan penggunaan imej digit dibandingkan dengan fotograf? (20/100)
- (b) Imej penderiaan jauh yang diambil daripada udara dan satelit biasanya memerlukan pembetulan-pembetulan geometri, radiometri, kesan atmosfera, hingar serta ralat-ralat lain sebelum penggunaan untuk sesuatu bidang. Bincangkan perkara tersebut. (80/100)

BAHAGIAN B

4. Huraikan kegunaan kaedah penderiaan jauh dalam bidang:

- [a] geologi (25/100)
- [b] oseanografi (25/100)
- [c] pertanian (25/100)
- [d] pencemaran (25/100)

5.(a) Bincangkan penggunaan data-data satelit dan data-data stesen bumi yang digunakan untuk peramalan cuaca. (50/100)

(b) Huraikan mengenai penganggaran hujan dari imej satelit dengan menggunakan kaedah Schofield dan Bristol. (50/100)

- oooOooo -